Pelan Induk Sektor Kewangan

Senarai Saranan yang Telah Selesai dan Saranan yang Dilaksanakan Secara Progresif

Sektor Perbankan

Saranan yang telah selesai dilaksanakan

S3.4	Melonggarkan sekatan gaji dan mobiliti pekerja dalam industri perbankan bagi membolehkan industri menarik bakat terbaik dan memberikan mereka ganjaran yang setimpal.
S3.5	Menarik balik sekatan ke atas penggajian ekspatriat untuk menarik bakat antarabangsa terbaik bagi memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang-bidang perbankan yang spesifik.
S3.6	Menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, iaitu Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mempertingkatkan lagi tahap urus tadbir korporat.
S3.7	Membenarkan rasionalisasi kumpulan melalui jualan silang produk dan pelarasan proses dalaman serta membenarkan penggabungan bank perdagangan dan syarikat kewangan bagi mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dan daya saing.
S3.9	Menyelaraskan pengawalseliaan ke atas syarikat diskaun dan bank saudagar untuk meningkatkan dan membenarkan persaingan saksama antara peserta pasaran.
S3.10*	Menubuhkan bank pelaburan melalui penggabungan bank saudagar dan syarikat broker saham atau syarikat diskaun untuk mengurangkan pertindihan fungsi, mempertingkatkan tahap daya saing dan memperkukuhkan potensi bagi mengambil kesempatan daripada peluang perniagaan yang diperluas dan seterusnya menyumbang ke arah proses transformasi ekonomi.
S3.12	Menggalakkan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga untuk fungsi bukan teras bagi meningkatkan tumpuan strategik dan kecekapan.
S3.14	Menggalakkan penawaran saluran penghantaran baru untuk menambah akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan perbankan bagi meningkatkan daya saing.
S3.15.1 dan S3.15.2	Memudahkan proses notifikasi produk sebagai insentif bagi pembangunan produk baru dan inovatif serta menyediakan garis panduan yang jelas mengenai kriteria notifikasi produk dan keperluan kelulusan bagi produk tertentu.
S3.16a	Memperkenalkan Rangka Kerja Faedah Baru bagi memberi lebih fleksibiliti kepada institusi perbankan, seterusnya menggalakkan penentuan harga produk yang lebih berkesan.
S3.18	Menggalakkan penglibatan institusi perbankan dalam bidang-bidang yang kini disediakan oleh institusi pinggiran bagi menggalakkan persaingan yang saksama dan memelihara perlindungan pengguna dan kepentingan pelabur.
S3.21	Melaksanakan penyeliaan berasaskan risiko dengan fokus penyeliaan terhadap bidang yang berisiko tinggi dan tumpuan yang lebih terhadap institusi-institusi yang lemah.
S3.22a	Mengambil kira risiko pasaran dalam rangka kerja kecukupan modal bagi mempertingkatkan kepekaan terhadap risiko dalam keperluan modal pengawalseliaan yang sedia ada.
S3.23	Membentuk rangka kerja tindakan penguatkuasaan secara formal dan tidak formal bagi memastikan institusi perbankan mengambil tindakan pemulihan ke atas kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan.
S3.26f*	Mempertingkatkan tahap urus tadbir korporat institusi berlesen menerusi penetapan prinsip asas dan standard minimum serta keperluan-keperluan khusus bagi menjamin keselamatan dan keutuhan institusi berlesen.
S3.27	Meningkatkan keberkesanan dan daya saing dalam sistem pembayaran bagi menyokong keperluan ekonomi di samping mengekalkan ciri-ciri keselamatan dan integriti.
S3.28	Membenarkan kuasa pasaran membentuk pembangunan sistem pembayaran bagi meningkatkan persaingan dan inovasi sistem pembayaran.
S3.30*	Membenarkan syarikat pembrokeran wang melengkapkan perkhidmatan pembrokeran melalui telefon dengan menawarkan sistem pembrokeran elektronik kepada pelanggan mereka.

S3.33	Membenarkan institusi perbankan merasionalisasikan rangkaian cawangan bagi memperbaiki taburan cawangan dalam negara.
S3.37	Memperluaskan peranan Biro Pengantaraan Perbankan dengan penubuhan Biro Pengantaraan Kewangan bagi memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna dan memperkembangkan saluran untuk pengguna mendapatkan pembelaan.
S3.39*	Menubuhkan sistem deposit insurans bagi menyediakan tahap perlindungan yang berpatutan kepada pendeposit di samping menggalakkan pengurusan berhemat oleh institusi perbankan.
Saranan yang dilaksanakan secara progresif	
S3.1	Membangunkan dan menyebar luas penanda-penanda aras meliputi seluruh industri bagi membolehkan institusi perbankan domestik menilai prestasi secara relatifnya berbanding peneraju pasaran dan mengenal pasti jurang prestasi. Dengan demikian, institusi perbankan domestik akan peka dengan kekuatan dan kelemahan bandingan masing-masing bagi membangunkan strategi yang sesuai untuk kekal berdaya saing.
S3.2	Mempertingkatkan kesedaran mengenai amalan terbaik melalui pengelolaan latihan-latihan terfokus dan rangkaian seminar untuk pihak pengurusan kanan bagi mempertingkatkan tahap kesedaran mengenai trend dan isu-isu yang dihadapi oleh industri perbankan.
S3.3	Meningkatkan kemahiran kredit para pegawai dan pengurus kredit dengan tujuan menggalakkan keputusan pemberian pinjaman dan amalan kredit yang baik serta memantau keperluan pentauliahan.
S3.8	Menggalakkan institusi perbankan domestik membentuk pakatan strategik dengan institusi perbankan lain atau institusi bukan perbankan agar dapat memberikan pengguna lebih akses terhadap produk dan perkhidmatan bertaraf dunia serta ke arah mencapai standard amalan terbaik antarabangsa.
S3.13	Menghendaki pihak pengurusan institusi perbankan supaya memberi perhatian yang lebih kepada pembangunan informasi dan teknologi komunikasi (ICT) untuk memastikan strategi ICT yang sesuai digunakan sebagai kaedah strategik ke arah penambahbaikan secara menyeluruh dalam institusi perbankan.
S3.15	Menerima pakai falsafah pengawalseliaan 'apa yang tidak dilarang dibenarkan' dan memansuhkan secara berperingkat keperluan untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu bagi penawaran produk baru untuk menggalakkan inovasi.
S3.19	Memudahkan pembentukan sebuah rejim cukai yang kondusif sebagai insentif untuk menggalakkan inovasi melalui penyelidikan dan pembangunan.
S3.24	Melaksanakan sistem amaran awal yang telus dan berstruktur di samping mengadakan langkah-langkah pembetulan segera terhadap institusi perbankan yang lemah bagi menjamin sistem perbankan yang kukuh dan stabil.
S3.32	Menghendaki institusi perbankan untuk menyediakan khidmat nasihat mengenai perancangan kewangan dan pengurusan kepada industri kecil dan sederhana serta peminjam-peminjam kecil bagi membolehkan peminjam-peminjam ini membuat keputusan yang bijak serta memahami aspek perancangan kewangan dan pengurusan secara lebih mendalam.
S3.34	Pembentukan sebuah program pendidikan pengguna yang aktif dan terancang untuk menggalakkan pengetahuan mengenai kewangan dan menggalakkan konsumerisme yang aktif.
S3.36	Menggalakkan para pengguna mencari penyelesaian secara formal melalui pendekatan pentadbiran dan perundangan untuk melindungi para pengguna daripada amalan institusi perbankan yang tidak adil.
Sektor Insurans	
Saranan yang telah selesai dilaksanakan	
S4.1	Menghapuskan sekatan ke atas penggunaan perkhidmatan pihak ketiga bagi membolehkan penanggung insurans meningkatkan lagi kompetensi teras mereka dan mengatur strategi perniagaan yang berkesan.

S4.2	Membenarkan penanggung insurans yang layak untuk menggunakan internet sebagai saluran pengagihan bagi meningkatkan daya saing dan kecekapan industri insurans.
S4.3	Menggalakkan pertumbuhan bankasurans sebagai saluran hantaran alternatif berkos efektif melalui pelaksanaan rangka kerja kawal selia yang lebih fleksibel dalam struktur ganjaran berkaitan urusan bankasurans.
S4.6	Melonggarkan sekatan ke atas penggajian ekspatriat bagi mempercepatkan pembangunan kemahiran dan kepakaran dalam industri.
S4.9*	Memperkenalkan rangka kerja pengawalseliaan dalam pemberian lesen kepada penasihat kewangan bagi meningkatkan standard perkhidmatan kewangan dan membolehkan pengguna mendapatkan khidmat nasihat profesional berhubung dengan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih meluas.
S4.16	Menaikkan modal berbayar berkanun minimum bagi penanggung insurans untuk meningkatkan daya tahan kedudukan kewangan dan keupayaan untuk bersaing secara berkesan dalam pasaran yang lebih dinyahkawal selia dan liberal.
S4.17	Mengukuhkan peraturan 'layak dan sesuai' bagi ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan penanggung insurans, termasuk standard kelayakan minimum dan keperluan latihan bagi pengarah untuk menggalakkan urus tadbir korporat yang kukuh.
S4.18	Menubuhkan jawatankuasa lembaga dengan tanggungjawab spesifik dan mempertingkatkan standard pendedahan tentang pampasan kepada pengarah dan pihak pengurusan kanan bagi memperkukuh struktur dan proses urus tadbir serta menggalakkan ketelusan.
S4.19	Meningkatkan syarat pengambilan ejen untuk memastikan tahap profesionalisme dan kecekapan yang tinggi di kalangan pengantara insurans.
S4.20	Memperkenalkan peperiksaan wajib tambahan sebagai sebahagian daripada program pembelajaran yang berterusan bagi ejen mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.
S4.21	Mengukuhkan lagi penyeliaan berasaskan prestasi bagi mengekalkan kestabilan dalam keadaaan pasaran yang lebih dinyahkawal selia dan kompetitif.
S4.22	Membentuk rangka kerja tindakan penguatkuasaan bagi memastikan proses campur tangan penyeliaan yang menepati waktu dan konsisten untuk menangani risiko keinstitusian.
S4.25	Menubuhkan Biro Pengantaraan Kewangan untuk memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna dan memperkembangkan saluran untuk pengguna mendapatkan pembelaan.
S4.26	Memperkenalkan peraturan 'nasihat terbaik' bagi meningkatkan perlindungan pengguna dan profesionalisme dalam penjualan produk insurans hayat oleh pengantara insurans.
S4.27	Mengukuhkan peraturan mengenai amalan perniagaan yang tidak adil bagi memastikan amalan perniagaan dan perilaku yang adil terhadap pengguna.
S4.29	Membenarkan institusi kewangan dan bukan kewangan memperolehi kepentingan dalam penanggung insurans langsung bagi mewujudkan sinergi perniagaan.
Saranan yang dilaksanakan secara progresif	
S4.5	Menggalakkan pengurusan kumpulan wang pencen oleh penanggung-penanggung insurans untuk mencapai pengurusan kumpulan wang pencen yang cekap dan berkesan.
S4.8	Membenarkan penanggung insurans untuk mengagihkan lain-lain produk perkhidmatan kewangan peribadi bagi membolehkan penanggung insurans menggunakan ejen dan saluran pengagihan lain dengan lebih berkesan.
Perbankan Islam dan Takaful	
Saranan yang telah selesai dilaksanakan	
S5.3	Mewujudkan pengurusan yang mantap melalui penubuhan jawatankuasa lembaga, program penanda aras dan penggajian kakitangan yang berpengalaman dan berkelayakan.

S5.5 Menambah bilangan bank-bank Islam bagi merangsang persaingan yang lebih sengit dan mempercepat integrasi di peringkat antarabangsa melalui pemberian lesen perbankan Islam kepada institusi perbankan domestik dan asing yang layak.

S5.6 Menambah bilangan pengendali takaful bagi mempercepat perkembangan industri takaful.

S5.10 Mewujudkan infrastruktur perundangan yang komprehensif bagi pengguna mendapatkan penyelesaian perundangan bagi urus niaga kewangan Islam.

Saranan yang dilaksanakan secara progresif

S5.1 Membangunkan dan menyebar luas penanda-penanda aras meliputi seluruh industri bagi membolehkan institusi perbankan Islam menilai prestasi secara relatifnya, mengenal pasti jurang prestasi dan merangka strategi yang sesuai untuk memperbaiki tahap prestasi bagi menghasilkan keputusan yang terbaik.

S5.2 Mempertingkatkan tahap pengetahuan, kecekapan dan kepakaran bagi meningkatkan perkhidmatan kakitangan mahir dan berkelayakan tinggi dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

S5.11 Mewujudkan sebuah rejim percukaian yang menarik dalam pelaksanaan kontrak kewangan Islam.

Institusi Kewangan Pembangunan

Saranan yang telah selesai dilaksanakan

S6.4 Memperkenalkan rangka kerja sistematik untuk perolehan sumber dana bagi memastikan pembiayaan yang wajar dan mencukupi untuk operasi institusi kewangan pembangunan (IKP).

S6.7 Mewujudkan rangka kerja perundangan untuk mengawal selia IKP dan memastikan dasar dan objektif IKP konsisten dengan objektif dasar negara.

S6.8 Mewujudkan badan berkuasa pengawalseliaan tunggal untuk memperkukuh penyeliaan IKP.

Saranan yang dilaksanakan secara progresif

S6.5 Sokongan Kerajaan yang berterusan kepada IKP dan menggalakkan koordinasi yang berkesan di kalangan kementerian-kementerian terbabit bagi membolehkan IKP beroperasi secara lebih fokus, berkesan dan berhemat dalam menyokong sektor sasaran masing-masing.

Kaedah Pembiayaan Alternatif

Saranan yang telah selesai dilaksanakan

S7.2 Menubuhkan dana modal usaha niaga berjumlah RM500 juta bagi meningkatkan pembiayaan modal usaha niaga yang sedia ada dan merangsang usaha niaga baru.

S7.3 Pengenalan insentif cukai selanjutnya untuk industri modal usaha niaga bagi menggalakkan pertumbuhan syarikat modal usaha niaga.

S7.4 Pelonggaran syarat penyenaraian MESDAQ bagi memudahkan laluan keluar kepada syarikat modal usaha niaga daripada pelaburan mereka.

S7.5 Menubuhkan dua dana modal usaha niaga Islam dengan saiz dana permulaan aggregat berjumlah RM22.1 juta.

Saranan yang dilaksanakan secara progresif

S7.13 Menubuhkan sebuah pusat sehenti bagi penyelidikan dan pembangunan sektor pertanian dan pangkalan data yang menyeluruh dan bersepadu bagi membantu institusi perbankan dalam menilai risiko khusus yang terbabit dalam pembiayaan sektor pertanian.

S7.14 Menjalankan program latihan yang terancang dan sistematik untuk peminjam bagi memastikan pembangunan peserta dalam sektor pertanian berjalan dengan lancar.

S7.15	Menubuhkan sebuah mekanisme pengagihan risiko yang efektif yang akan mengurangkan risiko kepada institusi kewangan dan pada masa yang sama mengurangkan kos pinjaman menerusi skim pinjaman dan perlindungan insurans.
S7.15.2	Mempelbagaikan skim perlindungan insurans untuk memenuhi ciri-ciri unik pelbagai subsektor dalam sektor pertanian.
S7.16	Memberi subsidi kepada industri pertanian untuk mengurangkan kos insurans terutamanya kepada petani kecil.
S7.17	Memberi bantuan kewangan yang lebih besar kepada sektor pertanian melalui pengecualian cukai.
Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan	
Saranan yang telah selesai	
S8.3	Menerima pakai pendekatan yang berasaskan perundingan dan berorientasikan pasaran untuk mewujudkan persekitaran percukaian dan perniagaan yang kondusif bagi meningkatkan daya saing dan daya tarikan Labuan.
S8.6	Memperkukuh perbankan dan kewangan Islam serta takaful bagi membangunkan Labuan dengan fokus strategik kepada produk dan perkhidmatan yang berlandaskan prinsip Syariah.
S8.7	Mempertingkatkan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) sebagai bursa kewangan sehenti untuk pemastautin dan syarikat antarabangsa.
Saranan yang dilaksanakan secara progresif	
S8.1	Membangunkan sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) Malaysia yang aktif untuk menyokong keperluan yang bertambah oleh ekonomi domestik.
S8.2	Mengkaji semula syarat dan peraturan yang sedia ada untuk memudahkan perluasan skop perniagaan teras bagi membantu memudahkan penubuhan perniagaan baru dan memberi peluang kepada penyedia perkhidmatan di luar pesisir memaksimumkan kebolehan dan kepakaran mereka dalam memperkembangkan perniagaan masing-masing.
S8.4	Menanda aras dengan peneraju IOFC dalam pelbagai bentuk perniagaan untuk mempertingkatkan lagi tahap daya saing, terutamanya dari segi penentuan harga dan kos.
S8.5	Menubuhkan dasar dan rangka kerja pengawalseliaan yang seimbang, selaras dengan rejim kawal selia antarabangsa yang terkini.
S8.8	Memperluas gerbang e-dagang untuk menggalakkan pengusaha e-dagang global menubuhkan operasi di Labuan.
S8.9	Memaksimumkan potensi Labuan IOFC dengan memajukan aktiviti ekonomi sampingan yang lain.

* Saranan yang telah selesai pada 2005.